**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri
70503 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

Telefon : 06-7632041 (Talian Terus)
06-7659911
No. Faks : 06-7673728
Email : drrazali@ns.gov.my

Ruj. Kami : SUKNS.600-1/2/16/4 Jld. 2 (33)
Tarikh : 17 Ogos 2021

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A**

YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/Tuan/Puan,

**PERINGATAN MENGENAI PEMATUHAN SEKSYEN 25 AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694).**

Saya dengan hormat dan takzimnya menarik perhatian YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan sedia maklum, berdasarkan kepada peruntukkan undang-undang di bawah **Seksyen 25 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009**, pentadbiran ini ingin memberi peringatan kepada semua warga kerja di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan agensi-agensi di bawahnya mengenai **kewajipan melaporkan kesalahan rasuah** oleh mana-mana orang yang diketahui olehnya. **Kegagalan mematuhi undang-undang ini merupakan satu kesalahan dan sekiranya disabitkan, boleh didenda sehingga tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh sehingga tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya.**

3. Selaras dengan misi **Pelan Antirasuah Negeri Sembilan 2020 – 2024 iaitu 'memperkukuhkan governans, membudayakan integriti dan mencegah rasuah di kalangan warga pentadbiran Kerajaan Negeri'** yang telah dilancarkan pada 30 September 2020 yang lalu, pentadbiran ini berharap supaya seluruh warga kerjanya terutama **Ketua-Ketua Jabatan** supaya cakna terhadap kewajipan ini.

4. Pegawai awam adalah diingatkan supaya sentiasa memelihara integriti sepanjang masa dan memberi fokus atau tumpuan sepenuhnya terhadap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Selain daripada hukuman di bawah Akta ini, **tindakan tatatertib** juga boleh diambil jika siasatan mendapati berlakunya pelanggaran di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006 (N.S. P.U. 2/2006).

5. Sehubungan dengan itu, **Ketua Jabatan** adalah diminta untuk memberi perhatian serius terhadap perkara ini dengan sentiasa mengambil langkah-langkah yang sepatutnya bagi memberi peringatan kepada warga Jabatan, melaksanakan pemantauan dan mengambil tindakan yang tegas sekiranya berlaku sebarang pelanggaran terhadap perkara ini. Sebarang pertanyaan lanjut pihak YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:-

i. Puan Roslina binti Azali
Tel : 06-765 9020
E-mel : roslina.azali@ns.gov.my

ii. Encik Huzaimi bin Hashim
Tel : 06-765 9190 / 013-7787720
E-mel : huzaimi@ns.gov.my / huzaimihashim@sprm.gov.my

Perhatian dan komitmen pihak YB Dato'/YAA Dato'/YBhg. Dato'/YBrs. Dr/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**'PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19'**
**'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'**
**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**
**'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)**
Setiausaha Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

s.k. 1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Negeri Sembilan Darul Khusus

2. Ketua Unit Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**SENARAI EDARAN**

**LAMPIRAN A**

1. Pengarah
   Unit Perancang Ekonomi Negeri

2. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Dewan Undangan Negeri

3. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

4. Pengarah
   Unit Pengurusan Teknologi Maklumat

5. Pengarah
   Badan Kawal Selia Air

6. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Khidmat Pengurusan

7. Pengarah
   Majlis Sukan Negeri

8. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
   Unit Korporat, Inovasi dan Kualiti

9. Setiausaha Sulit Kepada
   Y.A.B. Menteri Besar Negeri Sembilan

10. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Kerajaan Tempatan

11. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Perumahan

12. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
    Unit Pengurusan Majlis Rasmi dan Protokol

13. Pengurus Besar
    Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan

14. Ketua Unit
    Unit Audit Dalam

15. Ketua Unit
    Unit Pengaduan Awam

**SENARAI EDARAN**

1) YB Pegawai Kewangan Negeri
Negeri Sembilan

2) YB Sohibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri
Jabatan Mufti
Negeri Sembilan

3) YAA Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Sembilan

4) Pengarah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan

5) Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan

6) Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Negeri Sembilan

7) Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Negeri Sembilan

8) Pengarah
Jabatan Perhutanan Negeri
Negeri Sembilan

9) Pengarah
PLANMalaysia@Negeri Sembilan
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Negeri Sembilan

10) Pengelola Bijaya Diraja
Pejabat DYMM Yang Di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan

11) Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Negeri Sembilan

12) Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah
Negeri Sembilan

13) Pengarah
Jabatan Pertanian Negeri
Negeri Sembilan

14) Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Negeri Sembilan

**SENARAI EDARAN**

1) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Seremban
   Negeri Sembilan

2) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Tampin
   Negeri Sembilan

3) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson
   Negeri Sembilan

4) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah
   Negeri Sembilan

5) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Jempol
   Negeri Sembilan

6) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu
   Negeri Sembilan

7) Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah dan Tanah Rembau
   Negeri Sembilan

8) Ketua Penolong Pegawai Daerah
   Pejabat Daerah Kecil & Tanah Gemas
   Negeri Sembilan

**<u>SENARAI EDARAN</u>**

1) Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seremban
Negeri Sembilan

2) Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson
Negeri Sembilan

3) Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Jempol
Negeri Sembilan

4) Yang Dipertua
Majlis Daerah Tampin
Negeri Sembilan

5) Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah
Negeri Sembilan

6) Yang Dipertua
Majlis Daerah Jelebu
Negeri Sembilan

7) Yang Dipertua
Majlis Daerah Rembau
Negeri Sembilan

**SENARAI EDARAN**

1) Ketua Eksekutif
   Perbadanan Kemajuan Negeri (PKNNS)
   Negeri Sembilan

2) Pengarah
   Yayasan Negeri
   Negeri Sembilan

3) Pengarah
   Perbadanan Perpustakaan Awam
   Negeri Sembilan

4) Pengarah
   Lembaga Muzium Negeri
   Negeri Sembilan